

▼15/12/19-56MST

CNS1512

R GB 15-12 00175 BC037

aab

Mahathir - G-15

NEGARA-NEGARA G-15 MASIH KOMITED, KATA PERDANA MENTERI
KUALA LUMPUR, 15 Dis (Bernama) -- Sebahagian besar negara-negara
anggota G-15 masih komited terhadap pertubuhan itu, kata Perdana Menteri,
Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata banyak negara masih mempunyai kepercayaan kepada peranan
G-15.

"Argentina masih lagi sanggup menjadi tuan rumah (sidang kemuncak G-15)
selepas India pada tahun 1994 atau 1995," Dr Mahathir berkata di Lapangan
Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang sekembalinya dari lawatan rasmi,
tiga hari ke India.

Katanya, Zimbabwe akan menjadi tuan rumah selepas Argentina.

Beliau berkata, sidang kemuncak G-15 keempat yang ditangguhkan itu akan
tetap diadakan di New Delhi pada penghujung Mac atau awal April tahun
depan.

"Kita akan berusaha untuk mendapatkan kehadiran seberapa banyak
ketua-ketua kerajaan untuk mesyuarat ini," katanya.

Ketika ditanya apakah sebab-sebab di sebalik penangguhan sidang
kemuncak itu, Perdana Menteri berkata ia adalah kerana ketua-ketua kerajaan
terbabit menghadapi "pemilihan dan kecemasan yang menyebabkan mereka tidak
dapat meninggalkan negara mereka." -- Lagi

▼15/12/23-02MST

CNS1513

R GB 15-12 00176 BC038

aab

Mahathir - G-15 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Mengenai laporan yang menyatakan Amerika Syarikat telah mempengaruhi
anggota-anggota G-15 supaya tidak menghadiri sidang kemuncak itu, Dr
Mahathir berkata beliau tidak dapat maklumat apa-apa mengenainya dan tidak
mahu "membuat tuduhan apa-apa."

Mengenai lawatannya ke India, beliau berkata beliau telah mengadakan
banyak perbincangan dua hala, termasuk dengan Perdana Menteri India
Narasimha Rao dan Presiden Zimbabwe Dr Robert Mugabe.

Delegasi Malaysia juga telah mengadakan perbincangan dengan wakil-wakil
kerajaan India dan hasilnya enam perjanjian kerjasama dan pelaburan telah
ditandatangani, beliau menambah kata.

Katanya, Mugabe pula telah menjemput beliau melawat Harare untuk
menghadiri satu pameran perdagangan yang akan diadakan hujung bulan April
tahun depan.

Mugabe juga memberi laporan mengenai perkembangan politik di Afrika
seperti di Afrika Selatan, Mozambique dan Angola.

Turut menyambut kepulangan Perdana Menteri ialah Timbalan Perdana
Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk
Megat Junid Megat Ayob. Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi turut
pulang bersama Dr Mahathir. -- Bernama.

RG OA

▼15/12/23-03MST